



KENYATAAN MEDIA

PEJABAT NEGERI MCMC DI EMPAT NEGERI TERJEJAS BANJIR SEDIA BANTU PENYEDIA PERKHIDMATAN MEMULIHKAN RANGKAIAN TELEKOMUNIKASI

CYBERJAYA, 27 DISEMBER 2023 - Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) menzahirkan rasa simpati kepada mangsa-mangsa banjir di empat buah negeri iaitu Kelantan, Pahang, Selangor dan Terengganu.

Dalam keadaan sukar ini, MCMC memahami bahawa telekomunikasi adalah aspek penting bagi menghubungkan mangsa yang terjejas banjir dengan ahli keluarga masing-masing.

Setakat jam 10 pagi hari ini, sejumlah 110 stesen pemancar komunikasi terjejas dengan 24 daripadanya telah pulih dan kembali beroperasi. Pejabat Negeri MCMC di empat buah negeri tersebut sedang giat mencari penyelesaian bagi baki 86 stesen pemancar komunikasi yang belum beroperasi melalui kerjasama rapat dengan penyedia perkhidmatan.

Jika terdapat sebarang masalah rangkaian di negeri-negeri terjejas banjir, berikut merupakan talian MCMC yang boleh dihubungi jika sebarang bantuan berkaitan komunikasi diperlukan:

BIL	NAMA PEGAWAI	PEJABAT NEGERI	NOMBOR TELEFON	ALAMAT EMEL (@mcmc.gov.my)
1.	En. Yuzani Mohamad Yusoff	Kelantan	09-7454828	yuzani.yusoff
2.	En. Mohd Razlan Rani	Pahang	09-5154825	mohd.razlan
3.	En. Muhammad Jaflus Baharudin	Selangor	03-86887403	muhammad.jaflus
4.	En. Ahmad Baihaqi Zinbahar	Terengganu	09-6288029	baihaqi.zinbahar

MCMC juga bersiap siaga dengan sebarang kemungkinan banjir melibatkan negeri lain.

Orang ramai diingatkan untuk tidak menyebarkan sebarang berita palsu atau mengambil kesempatan dengan situasi banjir buruk yang melanda empat buah negeri ini. Sebarang muat naik atau perkongsian perlu dipastikan kesahihannya. Sama-sama kita memainkan peranan sebagai rakyat Malaysia yang bertanggungjawab dalam situasi sukar sebegini.

KOMUNIKASI KORPORAT MCMC

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia | Malaysian Communications and Multimedia Commission
MCMC Tower 1, Jalan Impact, Cyber 6, 63000 Cyberjaya, Selangor MALAYSIA
T: + 60 3 86 88 80 00 | F: + 60 3 86 88 10 00 | E: scd@mcmc.gov.my | W: www.mcmc.gov.my

